



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989

DR.14/1989

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian
Terbuka 1953.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 4 Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 4. Akta 289.
 - (a) dengan memotong perkataan-perkataan “or assists in the carrying on a public lottery” dalam perenggan (c) subseksyen (1);
 - (b) dengan memotong perenggan (d), (e) dan (f) subseksyen (1); dan
 - (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “imprisonment for a term not exceeding two years or to a fine not exceeding twenty thousand ringgit or to both” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “a fine of not less than five thousand ringgit and not more than fifty thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding three years”.

Seksyen
baru 4A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 4, seksyen baru 4A yang berikut:

“Assisting
in carrying
on a public
lottery, etc.

4A. Any person who—

- (a) assists in the carrying on of a public lottery;
- (b) receives, directly or indirectly, any money or money's worth for or in respect of any chance in any event or contingency connected with a public lottery or sells or offers for sale or gives or delivers or collects any lottery tickets;
- (c) draws, throws, declares or exhibits, expressly or otherwise, the winner or winning number, ticket, lot, figure, design, symbol or other result of any public lottery; or
- (d) writes, prints or publishes or causes to be written, printed or published any lottery ticket or list of prizes or any announcement of the result of a public lottery or any announcement or riddle relating to a public lottery,

shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than twenty thousand ringgit and not more than two hundred thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding five years.”.

Pindaan
seksyen 5.

4. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “imprisonment for a term not exceeding two years or to a fine not exceeding twenty thousand ringgit or to both” dengan perkataan-perkataan “a fine of not less than five thousand ringgit and not more than fifty thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding three years”.

5. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "two thousand ringgit" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both". Pindaan seksyen 6.
6. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "two thousand ringgit" dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both". Pindaan seksyen 7.
7. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "imprisonment for a term not exceeding two years or to a fine not exceeding twenty thousand ringgit or to both" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "a fine of not less than twenty thousand ringgit and not more than two hundred thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding five years". Pindaan seksyen 8.
8. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "two thousand ringgit" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both". Pindaan seksyen 9.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

2. *Fasal 2 (a)* bertujuan meminda seksyen 4 (1) Akta untuk memotong bahagian tertentu daripada perenggan (c) yang berkaitan dengan kesalahan membantu dalam menjalankan loteri awam, manakala *fasal 2 (b)* bertujuan memotong perenggan (d), (e) dan (f) dalam seksyen tersebut yang mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan lain yang berhubungan dengan loteri awam. Maksud pindaan yang disebut terdahulu itu ialah untuk membolehkan kesalahan-kesalahan dalam perenggan-perenggan disebut terdahulu itu supaya diperuntukkan dalam seksyen baru 4A (yang diajukan melalui *fasal 3*) untuk mempermudah pengenaan penalti-penalti yang lebih tinggi mengenai kesalahan-kesalahan itu. *Fasal 2 (c)* bertujuan meningkatkan

penalti bagi berbagai-bagai kesalahan yang berhubungan dengan loteri awam dalam seksyen 4 (1) daripada penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 5 Akta untuk meningkatkan penalti maksimum bagi kesalahan-kesalahan mendahulukan wang untuk menubuhkan sebuah rumah perjudian terbuka di bawah seksyen itu daripada penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

4. *Fasal 5* dan *6* bertujuan meminda seksyen 6 dan 7 Akta untuk meningkatkan penalti maksimum bagi kesalahan-kesalahan perjudian di rumah perjudian terbuka dan perjudian di khalayak ramai di bawah seksyen itu masing-masing daripada denda tidak melebihi dua ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 8 Akta untuk meningkatkan penalti maksimum bagi kesalahan-kesalahan menghasut dan menggalakkan perjudian di khalayak ramai di bawah seksyen itu daripada penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

6. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk meningkatkan penalti maksimum bagi kesalahan-kesalahan membeli tiket-tiket loteri haram di bawah seksyen itu daripada denda tidak melebihi dua ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1532.]